

HARI :

TARIKH :

SILA SALIN NOTA DI BAWAH DI DALAM BUKU NOTA

5.3

Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

Nota

1. Aspek Pentadbiran
 - (a) Sebuah kerajaan Persekutuan dibentuk dengan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.
 - (b) Singapura diasingkan dan kekal sebagai negeri tanah jajahan British.
 - (c) Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British.
 - (d) Pesuruhjaya Tinggi dibantu oleh Majlis Eksekutif Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan.
2. Kuasa Raja-raja Melayu
 - (a) Hak dan kuasa Raja-raja Melayu di negeri masing-masing dipulihkan.
 - (b) Sultan mempunyai kuasa memerintah di peringkat negeri.
 - (c) Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerja Kerajaan dan Dewan Perundangan Negeri.
 - (d) Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri perlu mendapat perkenan daripada sultan.
3. Aspek perundangan
 - (a) Majlis Perundangan Persekutuan berkuasa dalam hal ehwal luar, kehakiman, ketenteraman awam dan percukaian.
 - (b) Majlis Perundangan ini diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi.
 - (c) Segala undang-undang yang digubal oleh Majlis Perundangan Persekutuan mesti mendapat kelulusan Raja-raja Melayu sebelum diwartakan.
4. Syarat kewarganegaraan
 - (a) Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang.
 - (b) Kewarganegaraan secara pendaftaran.